

25/08/1999

Keifli azam rangkul trofi Lumba Merdeka

PERCUBAAN untuk merangkul trofi Cabaran Lumba Merdeka 300KM Antarabangsa Proton adalah cabaran utama bagi juara bertahan, Keifli Othman.

Trofi berprestij itu disumbangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada penganjur pada 1998.

Anugerah itu akan menjadi milik pasukan yang berjaya memenangi perlumbaan itu sebanyak tiga kali berturut-turut.

Tentunya trofi berkenaan menjadi idaman setiap pelumba dan turut merangsang Keifli untuk menjuarai perlumbaan buat kali kedua.

Bagi pelumba lain, mereka tentu akan turut mencuba menjulang trofi itu walaupun hanya akan memenangi replikanya bagi pemenang kali pertama.

Kehadiran Dr Mahathir, yang dijadualkan melepaskan peserta pada jam 2.30 petang Ahad ini, akan turut memberi dorongan tambahan buat semua pelumba menonjolkan persembahan terbaik.

Tidak ketinggalan adalah Jerry Ng dan Allen Tan, juara 1997 yang akan turut bersaing untuk merampas kembali gelaran manakala selebihnya berusaha memberi tentangan sengit, termasuk juara tahun lalu, Kenny Lee, Jimmy Low, Tengku Djan Ley, juara sirkit multinasional, Kan Chee Hong, Jimmy Low, Zulkifli Hassan dan Ng Kok Chin.

Sokongan Perdana Menteri tentu sahaja membuktikan usaha gigih negara ini untuk mempopularkan sukan bermotor dan sekali gus menjadi lambang keunggulan kerja keras yang berterusan oleh Proton untuk mempromosikan sukan itu di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

(END)